



## GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2025 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

### PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI ATAU *TAX COMPLIANCE CERTIFICATE* (TCC) KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN

---

#### 1. PENGENALAN

- 1.1 Melalui Ucapan Belanjawan 2022 di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan (2022), YB Menteri Kewangan telah membentangkan inisiatif langkah kemampunan hasil selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa di mana Kerajaan bercadang untuk memberikan layanan cukai secara sama rata. TCC yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah dijadikan sebahagian daripada dokumen prasyarat semasa pembayar cukai/ pembida mengemukakan permohonan bagi perolehan Kerajaan bermula tahun 2023.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tentang prosedur pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai atau *Tax Compliance Certificate* (TCC) untuk permohonan perolehan Kerajaan bagi semua kategori perolehan Kerajaan iaitu bekalan, perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) dan kerja bermula 1 Julai 2025.

#### 2. MAKLUMAT AM

- 2.1 Penggunaan Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN)

Pengeluaran dan semakan TCC adalah menggunakan TIN iaitu nombor cukai pendapatan sepertimana rekod sedia ada di LHDNM. Sekiranya pembayar cukai/ pembida belum mempunyai TIN, pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar di [Portal MyTax](#).

## 2.2 Kategori Pembayar Cukai/ Pembida

Pelaksanaan TCC adalah meliputi semua kategori pembayar cukai berikut:

- i. Syarikat (fail C)
- ii. Perkongsian Liabiliti Terhad (fail PT)
- iii. Koperasi (fail CS)
- iv. Badan Amanah (fail TA)
- v. Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah (fail TC)
- vi. Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta (fail TR)
- vii. Pertubuhan (fail F)
- viii. Perkongsian (fail D)
- ix. Individu Yang Menjalankan Perniagaan (fail IG)

## 3. PROSEDUR SEMAKAN DAN PENGELUARAN TCC

3.1 Tiada permohonan yang perlu dikemukakan oleh pembayar cukai/ pembida untuk mendapatkan TCC. Pembayar cukai/ Pembida boleh membuat semakan dan cetakan TCC secara sendiri melalui menu **Status MyTax** di Portal MyTax iaitu <https://mytax.hasil.gov.my>. Portal MyTax boleh diakses menggunakan nombor kad pengenalan/ pasport dan kata laluan sepertimana pembayar cukai mendaftar masuk bagi tujuan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui aplikasi e-Filing.

3.2 Semakan TCC boleh dilakukan oleh pembayar cukai/ pembida seperti berikut:

3.2.1 **Kategori individu** (perniagaan pemilikan tunggal)

TCC akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan dan TCC boleh terus disemak di Status MyTax pembayar cukai.

3.2.2 **Kategori selain individu** (Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Koperasi, Perkongsian, Pertubuhan dan lain-lain)

TCC akan dikeluarkan mengikut kategori pembayar cukai. Pembayar cukai perlu mempunyai peranan sebagai Pengarah Syarikat di Portal MyTax. Sekiranya pembayar cukai belum mempunyai peranan sebagai Pengarah Syarikat, permohonan peranan boleh dibuat di Profil MyTax masing-masing dengan memuat naik dokumen sokongan yang dinyatakan mengikut kategori. Maklumat lanjut berhubung kaedah permohonan peranan di MyTax boleh dirujuk seperti berikut: <https://mytax.hasil.gov.my> > Panduan Pengguna > Manual Penggunaan Permohonan Peranan.

3.3 Semakan dan cetakan TCC di Portal MyTax boleh dilakukan pada bila-bila masa mengikut keperluan pembayar cukai/ pembida.

- 3.4 Kriteria pematuhan cukai yang disemak bagi tujuan pengeluaran TCC adalah seperti berikut:
- 3.4.1 **Pengemukaan BNCP**  
Pembayar cukai/ Pembida perlu memastikan BNCP dikemukakan setiap tahun mengikut tempoh pengemukaan BNCP yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.
- 3.4.2 **Bayaran Cukai Pendapatan**  
Pembayar cukai/ Pembida tidak mempunyai tunggakan cukai dan/ atau mematuhi jadual ansuran yang sedang berkuat kuasa.
- 3.5 Pembayar cukai/ Pembida yang memenuhi kriteria di perenggan 3.4 akan dikategorikan sebagai '**Patuh**'.
- 3.6 Pembayar cukai/ Pembida yang gagal mematuhi kriteria ditetapkan akan dikategorikan sebagai '**Tidak Patuh**'. Tindakan penyelesaian perlu diambil sepertimana yang dipaparkan di TCC untuk mengelakkan sebarang kesulitan semasa penyertaan dalam perolehan Kerajaan kelak.
- 3.7 Status TCC akan dikemas kini dan TCC boleh dicetak melalui Portal MyTax setelah semua isu ketidakpatuhan diselesaikan. Pembayar cukai/ Pembida hendaklah memaklumkan kepada LHDNM melalui e-mel [tcc@hasil.gov.my](mailto:tcc@hasil.gov.my) berserta dokumen sokongan sekiranya tindakan ke atas isu ketidakpatuhan telah diselesaikan untuk memastikan tindakan kemas kini status TCC dapat diambil sewajarnya.
- 3.8 **Tempoh sah laku TCC** adalah mengikut tahun kalendar semasa. Sebagai contoh, TCC bagi tahun 2025 mempunyai tempoh sah laku sehingga 31 Disember 2025. Pembayar cukai/ Pembida boleh menggunakan TCC berkenaan untuk tujuan pelbagai permohonan Perolehan Kerajaan selama mana ia masih berkuat kuasa seperti contoh berikut:

| Tarikh Janaan Sijil       | 01/10/2025 | Sah Laku Sijil                                                            |
|---------------------------|------------|---------------------------------------------------------------------------|
| Tarikh Sah Laku Sijil     | 31/12/2025 |                                                                           |
| Tarikh Permohonan Pertama | 06/10/2025 | Sah                                                                       |
| Tarikh Permohonan Kedua   | 01/12/2025 | Sah                                                                       |
| Tarikh Permohonan Ketiga  | 01/02/2026 | Luput<br><i>*kerana tempoh sah laku sijil hanyalah setakat 31/12/2025</i> |

- 3.9 Pengeluaran TCC adalah percuma dan tidak dikenakan sebarang yuran pemprosesan.



- 3.10 Carta alir pengeluaran TCC adalah seperti di **LAMPIRAN B2-1**.
- 3.11 Contoh TCC berstatus Patuh adalah seperti di **LAMPIRAN B2-2**, manakala contoh bagi TCC berstatus Tidak Patuh adalah seperti di **LAMPIRAN B2-3**.

#### 4. PROSEDUR SEMAKAN KETULENAN TCC

- 4.1 Semakan ketulenan TCC boleh dilakukan melalui menu **Semakan Ketulenan TCC** di aplikasi *mobile* MyTax dengan mengimbas kod *Quick Response* (QR) yang dipaparkan di TCC.
- 4.2 Aplikasi *mobile* MyTax boleh dimuat turun dari platform penyedia seperti berikut:
- 4.2.1 Google Play (Android);
  - 4.2.2 App Store (iOS); atau
  - 4.2.3 AppGallery (Huawei).
- 4.3 Maklumat-maklumat berikut akan dipaparkan di skrin telefon pintar setelah imbasan QR dilakukan:
- 4.3.1 Nama Penuh
  - 4.3.2 No. Pengenalan/ No. Pendaftaran
  - 4.3.3 No. Pengenalan Cukai
  - 4.3.4 Status
  - 4.3.5 Tarikh Janaan Sijil
  - 4.3.6 Tarikh Luput Sijil
- 4.4 Sekiranya maklumat yang dipaparkan di aplikasi *mobile* MyTax adalah tidak lengkap atau berbeza dengan maklumat di TCC yang diberikan oleh pembayar cukai/ pembida, TCC tersebut adalah palsu dan tidak sah.
- 4.5 Contoh status pengesahan semakan ketulenan TCC adalah seperti di **LAMPIRAN B2-4**.


#### 5. HUBUNGI KAMI

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila:

- 5.1 E-mel ke [tcc@hasil.gov.my](mailto:tcc@hasil.gov.my) ; atau
- 5.2 hubungi Hasil *Contact Centre* LHDNM di talian 03-8911 1000 (dalam negara) atau 603-8911 1100 (luar negara).

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

## CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI ATAU TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC)



## CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS PATUH



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Telefon : 03-8911 1000  
(HASiL Care Line)  
Port Rasmi :  
<https://www.hasil.gov.my>

Tarikh Janaan Sijil  
}

Tarikh Luput Sijil  
}

**SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)**  
**BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN**  
**(STATUS: PATUH)**

Adalah dengan ini, disahkan bahawa

telah memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang menunjukkan pemegang sijil ini tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berhak menarik balik status pematuhan yang diberikan melalui sijil ini.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).



## CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS TIDAK PATUH



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Telefon : 03-8911 1000  
(HASIL Care Line)  
Portal Rasmi : <https://www.hasil.gov.my>

**SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)**  
**BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN**  
**(STATUS: TIDAK PATUH)**

Adalah dengan ini disahkan bahawa

tidak memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) seperti berikut:

- ☐ Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan
- ☐ Mempunyai cukai/baki cukai tertunggak yang belum dijelaskan

Sila berurusan di pejabat LHDNM yang berdekatan atau e-mel ke alamat [tcc@hasil.gov.my](mailto:tcc@hasil.gov.my) untuk penyelesaian isu di atas.


Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASIL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).





CONTOH STATUS PENGESAHAN SEMAKAN KETULENAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI





## SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI ATAU TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC)

| BIL. | SOALAN                                                                         | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|------|--------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Apakah itu Sijil Pematuhan Cukai atau <i>Tax Compliance Certificate</i> (TCC)? | TCC adalah <b>dokumen prasyarat yang perlu dikemukakan</b> oleh pembayar cukai/ pembida semasa membuat permohonan perolehan Kerajaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 2.   | Siapakah yang mengeluarkan TCC tersebut?                                       | TCC dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) iaitu agensi pelaksana yang dipertanggungjawabkan untuk pengeluaran TCC.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| 3.   | Bagaimanakah cara untuk memohon TCC dengan pihak LHDNM?                        | TCC <b>tidak perlu dimohon</b> dengan pihak LHDNM. TCC dikeluarkan secara automatik kepada semua pembayar cukai yang menjalankan perniagaan. Pembayar cukai/ Pembida boleh <b>menyemak TCC secara sendiri melalui menu Status MyTax</b> di Portal MyTax masing-masing.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| 4.   | Bagaimanakah cara untuk menyemak TCC di Portal MyTax?                          | <p>Kaedah semakan TCC adalah seperti berikut:</p> <p>a. Pembayar cukai/ Pembida <b>kategori individu</b> (perniagaan pemilikan tunggal):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>TCC akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan.</li> <li>TCC boleh disemak melalui Status MyTax di Portal MyTax.</li> </ul> <p>b. Pembayar cukai/ Pembida <b>kategori selain individu</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>TCC akan dikeluarkan atas nama perniagaan.</li> <li>Pembayar cukai/ Pembida perlu mempunyai dan memilih peranan Pengarah Syarikat di Portal MyTax sebelum boleh menyemak TCC melalui Status MyTax.</li> <li>Kaedah permohonan peranan boleh dirujuk seperti pautan berikut:<br/> <a href="https://mytax.hasil.gov.my">https://mytax.hasil.gov.my</a> &gt; Panduan Pengguna &gt; Manual Penggunaan Permohonan Peranan.</li> </ul> |
| 5.   | Siapakah yang boleh membuat semakan TCC?                                       | <p>TCC boleh disemak oleh individu seperti berikut:</p> <p>a. Tidak memerlukan peranan di MyTax:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perniagaan pemilikan tunggal – Pemilik perniagaan.</li> </ul> <p>b. Memerlukan peranan Pengarah Syarikat di MyTax:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat – Salah seorang daripada Pengarah atau Setiausaha syarikat.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |

| BIL. | SOALAN                                                                                    | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkongsian Liabiliti Terhad – Salah seorang daripada Ahli Kongsi atau Setiausaha.</li> <li>• Perkongsian – Salah seorang daripada ahli kongsi.</li> <li>• Lain-lain entiti perniagaan – Salah seorang daripada Pengurus Utama atau Setiausaha atau Bendahari.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| 6.   | Adakah wakil (seperti ejen cukai) dibenarkan membuat semakan TCC?                         | Tidak, pada ketika ini hanya individu yang dinyatakan di Soalan 5 sahaja yang dibenarkan menyemak TCC.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 7.   | Apakah makna status yang dipaparkan di TCC?                                               | <p>a. <b>Patuh</b> – Pembayar cukai/ Pembida mematuhi kriteria pematuhan cukai yang telah ditetapkan.</p> <p>b. <b>Tidak Patuh</b> – Pembayar cukai/ Pembida gagal mematuhi kriteria pematuhan cukai yang telah ditetapkan.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 8.   | Apakah yang perlu dilakukan sekiranya TCC memaparkan status Tidak Patuh?                  | <p>Pembayar cukai/ Pembida perlu menyelesaikan isu pematuhan cukai sepertimana yang dipaparkan di TCC:</p> <p>a. Gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) – melaporkan pendapatan yang diterima melalui aplikasi e-Filing di Portal MyTax.</p> <p>b. Mempunyai tunggakan cukai pendapatan – menyelesaikan tunggakan cukai melalui aplikasi ByrHASiL di Portal MyTax atau memohon aturan pembayaran secara ansuran dengan LHDNM Negeri yang menyelia fail cukai masing-masing.</p> <p>Setelah isu pematuhan cukai diselesaikan, pembayar cukai/ pembida hendaklah <b>mengemukakan lampiran atau dokumen sokongan</b> kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel <a href="mailto:tcc@hasil.gov.my">tcc@hasil.gov.my</a> untuk tindakan kemas kini status TCC.</p> |
| 9.   | Saya baru sahaja mendaftar perniagaan, apakah yang perlu dilakukan untuk mendapatkan TCC? | <p>Pembayar cukai/ Pembida hendaklah mengambil tindakan berikut untuk mendapatkan TCC daripada LHDNM:</p> <p>a. Membuat <b>semakan Nombor Pengenalan Cukai (TIN)</b> melalui aplikasi e-Daftar di Portal MyTax. Sekiranya belum mempunyai TIN, <b>pendaftaran</b> boleh dibuat di portal berkenaan; dan</p> <p>b. Setelah TIN diperolehi, pembayar cukai/ pembida boleh <b>mengemukakan permohonan TCC berserta lampiran dokumen pendaftaran perniagaan</b></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |



| BIL. | SOALAN                                                                                                                                               | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                                                                                      | <p>kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel <a href="mailto:tcc@hasil.gov.my">tcc@hasil.gov.my</a>.</p> <p>Pembayar cukai/ Pembida akan dimaklumkan tindakan selanjutnya sekiranya perlu berdasarkan semakan oleh pihak Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM.</p>                                                                                                                                  |
| 10.  | Perniagaan saya baru sahaja didaftarkan tetapi TCC memaparkan status Tidak Patuh kerana tidak mengemukakan BNCP, apakah tindakan yang perlu diambil? | <p>Pembayar cukai/ Pembida perlu <b>mengemukakan lampiran dokumen pendaftaran perniagaan</b> kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel <a href="mailto:tcc@hasil.gov.my">tcc@hasil.gov.my</a> untuk semakan dan tindakan selanjutnya.</p> <p>Pembayar cukai/ Pembida akan dimaklumkan tindakan selanjutnya sekiranya perlu berdasarkan semakan oleh pihak Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM.</p> |
| 11.  | Adakah TCC boleh digunakan untuk tujuan lain?                                                                                                        | <b>Tidak</b> , pada ketika ini TCC hanya dikeluarkan untuk tujuan permohonan perolehan Kerajaan sahaja.                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| 12.  | Saya menjalankan perniagaan pemilikan tunggal, bagaimanakah saya boleh mendapatkan TCC yang dikeluarkan atas nama perniagaan?                        | TCC bagi pembayar cukai/ pembida yang menjalankan perniagaan pemilikan tunggal akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan tersebut. TCC atas nama pemilik perniagaan tersebut boleh digunakan oleh pembayar cukai/ pembida untuk kesemua perniagaan pemilikan tunggal yang didaftarkan atas nama pemilik berkenaan.                                                                                      |
| 13.  | Adakah pembayar cukai/ pembida bagi kategori selain perniagaan pemilikan tunggal boleh mengemukakan TCC atas nama pemilik?                           | <b>Tidak dibenarkan.</b> Perniagaan bagi kategori selain pemilikan tunggal hendaklah mengemukakan TCC atas nama perniagaan tersebut seperti yang dinyatakan di <b>Maklum Balas No. 15</b> .                                                                                                                                                                                                                 |
| 14.  | Bagaimanakah cara untuk Pegawai Perolehan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyemak ketulenan TCC yang dikemukakan?                                      | <p>Pegawai Perolehan di PTJ boleh membuat semakan ketulenan TCC dengan menggunakan fungsi Semakan Ketulenan TCC di <b>aplikasi <i>mobile MyTax</i></b> yang boleh dimuat turun dari platform penyedia seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Google Play (Android);</li> <li>App Store (iOS); atau</li> <li>AppGallery (Huawei)</li> </ol>                                             |
| 15.  | Bagaimanakah Pegawai Perolehan di PTJ hendak memastikan pembayar cukai/ pembida mengemukakan TCC bagi perniagaan yang betul?                         | Pegawai Perolehan di PTJ boleh memastikan TCC yang dikemukakan oleh perniagaan adalah mengikut TIN seperti berikut:                                                                                                                                                                                                                                                                                         |



| BIL. | SOALAN                                                                                                 | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|------------------|------------|----|----------|---|----|------------------------------|----|----|----------|----|----|--------------|----|----|---------------------------------|----|----|---------------------------------------------------|----|----|------------|---|----|-------------|---|----|-----------------------------------------|----|
|      |                                                                                                        | <table> <tr> <th>Bil.</th><th>Jenis Perniagaan</th><th>TIN di TCC</th></tr> <tr> <td>1.</td><td>Syarikat</td><td>C</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Perkongsian Liabiliti Terhad</td><td>PT</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Koperasi</td><td>CS</td></tr> <tr> <td>4.</td><td>Badan Amanah</td><td>TA</td></tr> <tr> <td>5.</td><td>Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah</td><td>TC</td></tr> <tr> <td>6.</td><td>Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta</td><td>TR</td></tr> <tr> <td>7.</td><td>Pertubuhan</td><td>F</td></tr> <tr> <td>8.</td><td>Perkongsian</td><td>D</td></tr> <tr> <td>9.</td><td>Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)</td><td>IG</td></tr> </table> <p>Sekiranya Pegawai Perolehan di PTJ tidak dapat mengenal pasti sama ada TCC yang dikemukakan adalah betul bagi perniagaan yang dimohon, pengesahan boleh dibuat dengan mengemukakan pertanyaan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel <a href="mailto:tcc@hasil.gov.my">tcc@hasil.gov.my</a>.</p> | Bil. | Jenis Perniagaan | TIN di TCC | 1. | Syarikat | C | 2. | Perkongsian Liabiliti Terhad | PT | 3. | Koperasi | CS | 4. | Badan Amanah | TA | 5. | Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah | TC | 6. | Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta | TR | 7. | Pertubuhan | F | 8. | Perkongsian | D | 9. | Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal) | IG |
| Bil. | Jenis Perniagaan                                                                                       | TIN di TCC                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 1.   | Syarikat                                                                                               | C                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 2.   | Perkongsian Liabiliti Terhad                                                                           | PT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 3.   | Koperasi                                                                                               | CS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 4.   | Badan Amanah                                                                                           | TA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 5.   | Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah                                                                        | TC                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 6.   | Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta                                                      | TR                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 7.   | Pertubuhan                                                                                             | F                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 8.   | Perkongsian                                                                                            | D                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 9.   | Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)                                                                | IG                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 16.  | Adakah terdapat pengecualian pengemukaan TCC oleh pembida/ pembayar cukai tertentu?                    | <p>Pengemukaan TCC juga diwajibkan kepada pembida dari negara ahli Perjanjian Perdagangan Bebas (<i>Free Trade Agreement</i> - FTA) yang menyertai perolehan Kerajaan.</p> <p>Tiada sebarang pengecualian pengemukaan TCC termasuklah pembida yang berada di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |
| 17.  | Bagaimanakah cara untuk menghubungi LHDNM sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung TCC? | <p>Pembayar cukai/ Pembida boleh menghubungi LHDNM melalui saluran berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>e-mel ke <a href="mailto:tcc@hasil.gov.my">tcc@hasil.gov.my</a> ; atau</li> <li>hubungi HASiL Contact Centre di talian 03-8911 1000 (dalam negara) atau 603-8911 1100 (luar negara).</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |      |                  |            |    |          |   |    |                              |    |    |          |    |    |              |    |    |                                 |    |    |                                                   |    |    |            |   |    |             |   |    |                                         |    |